

Thursday, 12 November 2015.

Untung Pracukai Suku Ke-3 KLCC Reit Susut Kepada RM205.2 Juta

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Keuntungan pracukai KLCC Real Estate Investment Trust (REIT) bagi suku ketiga berakhir 30 Sept 2015 susut kepada RM205.201 juta daripada RM231.896 juta sebelum ini.

"Penyusutan keuntungan pracukai bagi suku dalam semakan adalah disebabkan hapus kira City Point, Kompleks Dayabumi bernilai RM32.2," KLCC REIT dalam makluman kepada Bursa Malaysia.

Bagaimanapun pendapatan meningkat kepada RM337.185 juta daripada RM332.820 juta yang dicatat sebelum ini, disumbang oleh kadar sewa lebih tinggi yang berkuat kuasa dalam tempoh semasa.

Mengenai unjuran 2015, syarikat berkata ia menjangka prestasi segmen pejabat dan runcit kekal stabil untuk baki tahun.

Bagaimanapun, ia berkata segmen hotel akan terus berdepan cabaran dengan sedikit peningkatan susulan selesainya kerja-kerja ubah suai kemudahan bersama.

-- BERNAMA